



World Bonsai Friendship Federation, Inc

E-1 Hwa Hwe Danji 1262
Wondang Dong DeokYang Gu Goyang Si
Gyeong Gi Province
Republic of Korea
Webpage: www.wbffbonsai.org

Mohd Farhan Bin Rohani,

berusia 38 tahun, berasal dan menetap di Kulai, Johor. Beliau mula aktif dalam dunia bonsai pada tahun 2018, mengikuti jejak langkah ayahnya, En. Rohani, yang telah lama berkecimpung dalam bidang ini sejak era 1990-an di Johor. Sejak itu, Farhan telah mencatat pelbagai pencapaian yang membanggakan. Antara kejayaan beliau termasuk meraih anugerah di Event LPJ Pasir Gudang 2023, serta di Event LBBJ 2024 di Hutan Bandar Kulai. Beliau turut menyertai Event Kebangsaan anjuran SABAS 2024 dan kini berkhidmat sebagai Setiausaha PLBNJ (LBBJ) bagi tahun 2024. Pada tahun 2025, Farhan terus menyerlah dengan meraih anugerah di Event Kebangsaan LBBJ di Hutan Bandar Kulai, serta di peringkat kebangsaan di Pulau Pinang dan Kelantan (King Salor).

Selain itu, beliau juga terlibat sebagai demonstrator dalam Demo Bonsai WBC Road Tour anjuran MBSS di Pavilion pada tahun 2025. Farhan pernah menjadi protégé juri bonsai MBSS pada tahun 2024 di bawah pemantauan Master Mat Yie Bohori, dan seterusnya berperanan sebagai fasilitator bonsai bersama MPPG pada tahun 2025. Dengan pengalaman dan pencapaian yang semakin berkembang, Mohd Farhan kini dikenali sebagai salah seorang tokoh muda yang aktif dan berpengaruh dalam komuniti bonsai Johor serta Malaysia.

